

# UTHM juara Kor SISPA

**B**ATU PAHAT: Kor Sis-wa-Siswi Pertahanan Awam (Kor SISPA) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dinobatkan juara keseluruhan pada perhimpunan Kor SISPA institusi pengajian tinggi (IPT), baru-baru ini.

Seramai 80 pegawai kadet, selain pegawai bersekutu, penyelaras dan jurulatih Kor SISPA UTHM menyertai perhimpunan berkenaan.

Komandan Kor SISPA UTHM, Profesor Dr Jailani Md Yunos berkata, kemenangan dilakar dalam perhimpunan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 14 hingga 18 Julai lalu adalah pencapaian yang cukup membanggakan.

“Pelbagai disiplin dipertandingkan seperti kawad kaki, menyelamat tempat tinggi, melawan kebakaran, perawatan awal, menyelamat di air, membaca peta dan berkayak.

“UTHM menggondol tiga tempat pertama iaitu disiplin kawad kaki, melawan keba-



**GEMBIRA...anggota Kor SISPA UTHM bersama jurulatih mereka selepas dinobatkan juara.**

karan dan berkayak, manakala bagi disiplin menyelamat di tempat tinggi dan membaca peta, kami di tempat kedua dan ketiga,” katanya, semalam.

Menurut beliau, hasil usaha gigih dan semangat juang tinggi, Kor SISPA UTHM berjaya menjadi juara keseluruhan mengatasi 19 IPT lain untuk perhimpunan pada tahun ini.

Beliau berkata, semua ahli kontinjen komited membuat persiapan rapi bagi menyertai perhimpunan berkenaan.

“Latihan dijalankan seawal Jun dengan satu latihan pusat bersama Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai dan UniKL-MITEC, Kuala Lumpur diadakan di Pusat Latihan Pertahanan Awam

Wilayah Selatan (Pulapas) di Kluang.

“Kami berharap Kor SISPA UTHM akan meneruskan kecemerlangan ini pada masa depan,” katanya.

Perhimpunan peringkat kebangsaan itu bertujuan menguji dan mengukur tahap kemahiran diperoleh mahasiswa sepanjang mengikuti latihan Kor SISPA di IPT masing-masing.